

# Giat laksana program hijau

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) giat melaksanakan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dianjurkan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata kempen itu bermula sejak 2021 dan sehingga kini DBKL berjaya menanam 412,320 pokok berkayu, menjadikan agensi itu berada di kedudukan ke-13 dalam daftar aplikasi Penghijauan Malaysia.

"Dengan pencapaian ini, DBKL yakin mampu memenuhi sasaran 500,000 pokok menjelang pertengahan tahun ini.

"Kempen ini bukan sekadar menambah bilangan pokok tetapi membantu meningkatkan biodiversiti, mengurangkan pencemaran udara dan menjadikan Kuala Lumpur lebih nyaman untuk didiami," katanya dalam ucapan perasmian Program Penanaman Pokok Bersama Komuniti di Jalan Mergastua, Kepong.

Teks ucapan beliau dibacakan Pengarah Eksekutif Perancangan Projek, Mohamad Mat Hamim.

Yang turut hadir Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng; Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Datuk, Ismail Ngah dan Pengarah Jabatan

Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR), Puteri Khairul Fathiah Fahimudin.

Terdahulu dalam program tersebut, sebanyak 1,000 pokok pelbagai spesies termasuk pokok teduhan dan renek ditanam yang turut direkodkan dalam aplikasi Penghijauan Malaysia.

Maimunah berkata selain pembangunan kawasan hijau, DBKL sedang merangka rangkaian penghubung taman yang akan menghubungkan kawasan perumahan dengan taman awam melalui laluan pejalan kaki dan berbasikal.

"Antara laluan yang dikenal pasti adalah Jalan Kepong-Jalan Pintasan Segambut termasuk Jalan Mergastua, Jalan Undang Kepai dan Jalan Kepong Baru yang akan memberi manfaat kepada penduduk dengan menyediakan akses lebih baik ke kawasan rekreasi tanpa perlu bergantung kepada kenderaan bermotor," katanya.

Terdahulu selepas taklimat mengenai rancangan pembangunan di Jalan Mergastua, Mohamad memberitahu DBKL menawarkan dua pilihan kepada penduduk setempat dalam usaha menaik taraf kawasan lapang, sama ada membangunkan padang bola sepak atau kawasan rekreasi. 